



Lihat poster di bawah ini. Bulatkan kata akronim yang terdapat dalam poster tersebut. Kemudian, tulis frasa penuh bagi akronim tersebut.

HARI KESIHATAN

Anjuran bersama KEMAS
NEGERI dengan KKM
Tempat: Tadika Hebat
Tarikh: 20 Jun 2026

Minda yang cerdas bermula daripada badan yang sihat

Sertai kami dalam eksplorasi gaya hidup sihat yang
menyeronokkan. Pelbagai aktiviti menarik akan
diadakan untuk anda dan keluarga. Berseronok sambil
belajar cara-cara menjalani gaya hidup sihat.

Aktiviti menarik:

- Senamrobik – terbuka kepada semua pengunjung
- Sukaneka – terbuka kepada murid-murid tadika
- Jualan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Pameran kesihatan oleh KKM
- Pemeriksaan kesihatan secara percuma
- Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	



Lengkapkan petikan di bawah ini dengan frasa yang sesuai.

- ✿ pemilihan pekerjaan dan kerjaya ✿ ✿ minat dan kecenderungan seseorang ✿
- ✿ mencapai hala tuju ✿ ✿ menentukan masa depan ✿
- ✿ memfokuskan diri dari segi pencapaian akademik ✿
- ✿ kemahiran dan pengetahuan ✿ ✿ mempunyai ilmu yang secukupnya ✿
- ✿ mengenal pasti personaliti diri sendiri ✿
- ✿ meletakkan matlamat dan objektif ✿ ✿ membuatkan mereka berasa seronok ✿

Sebaik-baik sahaja seseorang itu menamatkan pengajian mereka, perkara pertama yang akan difikirkan pastinya _____ yang bersesuaian dengan mereka. Pemilihan kerjaya ini akan _____ dan mengubah cara hidup seseorang secara keseluruhannya.

Pemilihan kerjaya dan pekerjaan ini haruslah bertepatan dengan _____ yang dimiliki oleh seseorang.

Terdapat beberapa kaedah yang dapat digunakan dalam mengenal pasti dan memilih kerjaya yang diidamkan. Antaranya termasuklah _____. Hal dikatakan demikian kerana sikap dan personaliti ini memainkan peranan penting dalam menentukan suasana kerja yang paling sesuai dengan seseorang.

Selain itu, pemilihan kerjaya yang diidamkan juga dapat dilakukan dengan berdasarkan _____. Faktor ini adalah penting bagi memastikan seseorang itu dapat melakukan pekerjaan yang benar-benar _____. Minat ini dapat dilihat berdasarkan hobi serta kegemaran yang dimiliki oleh seseorang.

Setelah mengenal pasti personaliti serta minat dan kecenderungan yang dimiliki, maka seseorang itu perlu _____ dalam bidang kerjaya yang telah dikenal pasti. Menguasai pengetahuan yang berkaitan dengan bidang yang diminati adalah penting bagi memastikan seseorang itu _____ sebelum melangkah ke alam kerjaya yang ingin diceburi.

Akhir sekali, seseorang itu haruslah _____ yang jelas ke arah kerjaya yang ingin diceburi. Matlamat yang jelas ini dapat mendorong seseorang untuk berusaha dengan lebih kuat dan memotivasikan diri sendiri untuk mencapai ke arah kerjaya yang diingini. Dengan matlamat dan visi yang jelas juga dapat membantu untuk _____ dan menunjukkan jalan yang sepatutnya ke arah kerjaya berkenaan.



Lihat poster di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

1. Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam poster di atas.

2. Amalan berbudi bahasa merupakan amalan yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan harian kita. Amalan ini banyak mendatangkan kebaikan sekiranya diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Pada pendapat anda, jelaskan kebaikan amalan berbudi bahasa.



Praktis Ekstra **Tema 5**

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur ▶ SP 1.5.2

Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Perpaduan sangat penting dalam menjamin keharmonian negara Malaysia yang dihuni oleh masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Perpaduan merupakan inti pati yang sering dilaungkan oleh pemimpin dalam menjamin kelangsungan keamanan negara. Rentetan itu, banyak medium yang digunakan bagi mewujudkan dan mengutuhkan negara. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantara kepada perpaduan kaum dan seterusnya diangkat sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Bahasa Melayu wajar dijadikan bahasa rasmi negara ini. Sejarah telah membuktikan bahasa Melayu telah diterima sebagai lingua franca atau bahasa komunikasi utama sejak zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 lagi. Bahasa ini digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik. Selain itu, bahasa Melayu juga mudah dipelajari dan difahami serta mempunyai bilangan penutur majoriti di Malaysia.

1. Mengapakah perpaduan penting dalam sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk?

2. Apakah medium yang digunakan oleh kerajaan Malaysia bagi menyatukan masyarakatnya?

3. Pada abad ke-15, bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam bidang apa?

4. Mengapakah bahasa Melayu wajar diangkat sebagai bahasa rasmi negara kita?



Praktis Ekstra Tema 6

PBD Kemahiran Menulis SP 3.7.1

Baca dialog di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti kesalahan bahasa dan ejaan yang terkandung dalam dialog. Tulis kesalahan tersebut dan pembetulannya pada ruang yang disediakan.

- Amirul: Haziq, kamu sudah membaca buku tentang kisah perjuangan Dato' Maharaja Lela yang menentang penjajah British di Perak ini?
- Haziq: Saya masih membaca buku itu dua bulan yang lepas. Saya amat berbangga dengan sikap beliau yang tidak mahu mengotorkan dirinya menjadi pencacai British, sebaliknya beliau berusaha untuk menahan sistem tradisional di Perak yang diganggu-gugat oleh pihak British melalui pengenalan Sistem Residen.
- Amirul: Keperihatinan beliau membela nasib rakyat dan menghalang gangguan British mendapat sokongan ramai. Seruan beliau agar mengatur rancangan menghalang pertapakkan British telah mengundang pengikut yang banyak, bukan sahaja di kalangan orang Melayu, malahan orang asli sendiri. Antaranya Seputum yang ditugaskan untuk membunuh J.W.W. Birch.
- Haziq: Penglibatan Dato' Maharaja Lela dalam pembunuhan J.W.W. Birch mendapat sanjungan rakyat Perak. Walau bagaimanapun, terdapat tali-barut dalam kalangan orang Melayu sendiri yang melaporkan penglibatannya sebagai pelaku utama dalam rancangan membunuh Birch kepada pihak British hingga beliau akhirnya ditangkap dan dibicarakan secara tidak adil oleh mahkamah. Akhirnya, pahlawan Melayu ini dijatuhkan hukuman gantung bersama-sama Dato' Sagor manakala pembesar yang lain dibuang negeri ke Pulau Sychelles.
- Amirul: Nama Dato' Maharaja Lela dan semua rakan-rakan seperjuangan akan terus diingati dan dikenang oleh rakyat negeri Perak sehingga sanggup berkorban nyawa untuk raja dan tanahair. Perjuangan beliau menjadi ikhtibar dan semangat pada orang Melayu untuk terus bersatu dalam mempertahankan segala yang telah diperjuangkan.

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	


Kesalahan Ejaan	Pembetulan
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	



Praktis Ekstra **Tema 7**

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur ▶ SP 1.6.1

Lengkapkan peta minda di bawah ini. Gunakan sumber melalui Internet sebagai panduan.





Baca petikan ceramah di bawah ini. Kemudian, lengkapkan peta buih yang berikutnya tentang langkah-langkah yang perlu anda lakukan apabila kawasan tempat tinggal anda dilanda banjir.


Saban tahun, kita dikejutkan dengan berita bencana banjir. Malapetaka ini bukan sahaja berlaku di negeri-negeri pantai timur, malah turut melanda di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, dan Shah Alam. Banjir disebabkan hujan yang lebat dalam tempoh yang panjang. Selain itu, banjir ini juga berpunca daripada sistem perparitan yang tidak efektif.

Apabila melihat tanda-tanda daripada curahan hujan yang berterusan dan mendengar pengumuman arahan bersedia oleh pihak berkuasa tempatan, kita hendaklah menyimpan dokumen-dokumen penting di tempat yang mudah ditemukan atau diambil jika terpaksa berpindah. Selain itu, semua barang elektrik hendaklah diangkat dan diletakkan di tempat yang tinggi.

Di samping itu, ibu bapa mesti bertanggungjawab untuk mengawal anak-anak mereka daripada bencana banjir. Ibu bapa tidak harus membenarkan anak-anak mereka keluar rumah ketika banjir. Sering kita mendengar tentang mangsa banjir yang terdiri daripada kanak-kanak yang bermain air ketika banjir. Kemalangan jiwa ini dapat kita hindari jika kita mengambil sikap beringat sebelum kena.

Selain itu, kita hendaklah menyediakan barang keperluan asas yang patut didahulukan, seperti menyimpan ubat-ubatan, bekalan air bersih yang secukupnya, dan menyimpan stok makanan kering seperti beras, tepung, biskut, sardin, dan minyak masak.

Tuntasnya, kemasalahan jiwa dan kerugian harta benda dapat kita kurangkan sekiranya segala langkah awal dilaksanakan. Semua pihak yang berkenaan semestinya bertindak secara bijak dan efisien agar banjir yang melanda pada setiap tahun tidak lagi mengundang korban yang memilukan, bak kata pepatah sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.





Praktis Ekstra **Tema 9**

PBD Kemahiran Membaca ▶ SP 2.3.1

Baca teks dengan telitinya. Kemudian, nyatakan idea utama dan idea sampingan.

1. Kerajaan harus membina kemudahan sukan dengan lebih banyak supaya dapat memberikan peluang kepada remaja untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana prasarana tersebut akan menjadi medan untuk menggilap bakat serta kebolehan remaja. Sebagai contoh, kerajaan membina dewan badminton dan gelanggang futsal untuk melahirkan jaguh-jaguh dalam sukan berkenaan.

Idea utama	<hr/> <hr/> <hr/>
Idea sampingan	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>

2. Kerajaan turut menggalakkan remaja menyertai aktiviti sukan yang dapat menawarkan ganjaran yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana kejayaan remaja dalam bidang berkenaan akan memberikan sumber kewangan kepada mereka. Sebagai contoh, sukan bola sepak, tenis, golf, dan badminton mampu menjadikan seseorang atlet sebagai jutawan.

Idea utama	<hr/> <hr/> <hr/>
Idea sampingan	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>



Praktis Ekstra Tema 12

PBD Kemahiran Menulis SP 3.4.1

Lengkapkan rangka karangan di bawah ini dengan maklumat yang sesuai.

Soalan Perpaduan kaum amat penting dalam kalangan masyarakat Malaysia bagi mewujudkan keharmonian hidup.
Huraikan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Pendahuluan → perpaduan unsur terpenting – _____
_____ – pelbagai _____ –
memupuk perpaduan kaum di negara kita

Isi 1 → peranan ibu bapa membina generasi yang mementingkan keharmonian antara kaum	
Ayat huraian	dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan entiti contoh kepada anak – perlu _____ – anak akan terpengaruh untuk _____ yang menghormati kaum lain – bak kata pepatah, _____
Contoh	ibu bapa haruslah _____ dan melayani _____ tanpa mengira _____
Isi 2 → mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan	
Ayat huraian	kaedah pemupukan perpaduan yang efektif – dapat mendedahkan _____ kaum lain kepada masyarakat – mewujudkan _____ – berkesan untuk memupuk perpaduan kaum
Contoh	menganjurkan _____ – mengadakan rumah terbuka pada _____ – menganjurkan aktiviti sukaneka
Isi 3 → melalui aktiviti sukan	
Ayat huraian	_____ pada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan – melibatkan peserta daripada _____ – satu tujuan untuk _____ – wujud sikap _____ – menanam sikap patriotisme
Contoh	sukan bola sepak, hoki, badminton, olahraga

Isi 4**peranan media massa**

Ayat huraian	seharusnya digunakan dengan sebaik-baiknya untuk menyebarkan _____ _____ - mesej yang hendak disampaikan _____
Contoh	menyiarkan rancangan yang berunsurkan _____ - iklan-iklan dan kempen yang mempunyai elemen perpaduan boleh disiarkan secara terus-menerus untuk menyemarakkan _____

Penutup

rakyat Malaysia harus memainkan peranan - menjaga perpaduan dan
_____ - bersatu kita teguh, bercerai kita
roboh



Praktis Ekstra Tema 13

PBD Kemahiran Menulis SP 4.1.2

Baca dan fahami pantun di bawah ini, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

PANTUN BUDI

- | | |
|---|---|
| <p>1 Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.</p> <p>2 Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.</p> <p>3 Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.</p> <p>4 Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbang.</p> | <p>5 Anak buruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.</p> <p>6 Tingkap papan kayu bersegi,
Simpan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.</p> <p>7 <i>Padang Temu padang baiduri,</i>
Tempat raja membangun kota;
Bijak bertemu dengan jauhari,
Bagai cincin dengan permata.</p> |
|---|---|

Daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

Maksud rangkap ketiga	
Maksud rangkap keenam	
Tema pantun	
Persoalan pantun	
Nilai rangkap pertama	
Pengajaran pantun	



Praktis Ekstra Tema 14

PBD Kemahiran Membaca > SP 2.3.1

Baca surat kiriman tidak rasmi di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, kenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.

No. 121, Taman Bertam,
14000 Butterworth,
Pulau Pinang.

22 September 2026.

Menemui sahabatku, Alice yang kini berada di Kanada, semoga saudari berada dalam keadaan sihat sejahtera di samping keluarga. Untuk pengetahuan saudari, baru-baru ini saya telah menjalankan projek tanaman hidroponik di rumah.

Saudari,

Tanaman hidroponik ialah kaedah bercucuk tanam tanpa menggunakan tanah, sebaliknya menggunakan air sahaja. Air tersebut dilarutkan dengan nutrien dan mineral sebelum disalurkan kepada tanaman. Banyak kebaikan yang diperoleh melalui tanaman hidroponik. Tanaman hidroponik tidak memerlukan kawasan yang luas kerana tidak memerlukan tanah. Oleh hal yang demikian, masyarakat yang tidak mempunyai tanah yang luas atau masyarakat yang tinggal di kondominium dan rumah pangsa boleh bercucuk tanam melalui kaedah ini. Dengan ini, masyarakat dapat menjimatkan perbelanjaan untuk membeli sayur-sayuran.

Selain itu, kaedah tanaman hidroponik mudah dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini tidak memerlukan penyiraman dan pembajaan. Sebaliknya, nutrien hanya dimasukkan ke dalam air dan nutrien dapat dikitar semula. Hal ini dapat menjimatkan masa dan kos.

Tambahan pula, kaedah tanaman hidroponik lebih selamat kerana tidak perlu menggunakan racun serangga. Kaedah ini menghasilkan tanaman yang segar, bersih, dan bebas daripada sisa racun dan bahan kimia yang berbahaya. Oleh itu, masyarakat dapat menikmati sayur-sayuran tanpa rasa bimbang.

Saya berharap agar perkongsian maklumat ini dapat memberikan sedikit info tentang penanaman hidroponik kepada saudari. Semoga kita bertemu lagi pada warkah akan datang.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Airin

PROJEK TANAMAN HIDROPONIK

Idea Utama	Idea Sampingan



Praktis Ekstra Tema 16

PBD

Aspek Seni Bahasa ▶ SP 4.4.2

Lafazkan pantun dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul.

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Langkah diatur berhati-hati;
Alam dijaga pastinya cantik,
Supaya dilihat semua generasi.

Pergi ke kota bersama teman,
Kota Melaka tempat pilihan;
Menjaga sungai jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Pergi menyelam ke dasar laut,
Menyelam bersama si anak teruna;
Kita perlu menjaga laut,
Agar khazanah sentiasa terpelihara.

Dua tiga kucing berlari,
Tidaklah sama si kucing belang;
Jika tidak menjaga bumi,
bencana alam akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Pantun Alam Sekitar" oleh Syarifah Wafaa,
Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Bahiyah, 2011



Praktis Ekstra Tema 18

PBD Aspek Seni Bahasa SP 4.1.2

Deklamasikan sajak. Jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kucari Damai di Sini

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyilau dan merdeka antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma
dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.

Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebangsaan
untuk generasi masa depan.

AHMAD SYAHRUL WAHID

Antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak, mengapakah penyajak mencari kedamaian di tanah air yang merdeka?

- (ii) Jelaskan **tiga** ciri sajak tersebut.

- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempertahankan negara daripada dijajah semula?



Praktis Ekstra


Tatabahasa

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Penjarakan fizikal merupakan cara yang berkesan untuk memutuskan rantaian _____ COVID-19.
- A pembiakan C penyiaran
B penyebaran D pengembangan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Pemandu yang _____ kenderaan lain di jalan yang mempunyai garisan berkembar telah melakukan kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Lalu Lintas 167/59.
- A merentas C memotong
B mencantas D mencelah

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Pak Samad _____ kapaknya sebelum menebang pokok rambutan di hadapan rumahnya itu.
- A melayur C meracik
B mengasah D menggilap
4. Pesanan Abang Malik sebelum dia berangkat ke Mekah untuk menunaikan fardu haji masih _____ di telinganya.

- A tergetar-getar
B terngiang-ngiang
C tergambar-gambar
D terlayang-layang

Soalan 5 – 6

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

5. I Pak Mail dan pekerjaanya sedang *mengeringkan* kolam ikannya yang tercemar itu.
II Ena sedang *mengeringkan* pinggan-pinggan yang dicuci oleh adiknya dengan sehelai tuala.
III Ibu berpesan kepada kakak supaya *mengeringkan* sisa-sisa makanan itu dengan segera.
IV Abang ditegur oleh ibu kerana *mengeringkan* lauk yang disimpan untuk kakak.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
6. I Kek pisang yang dibuat oleh Kakak Intan sungguh *gebu*.
II Kulit anak Musliha sangat *gebu* dan putih.
III Air muka ibu *gebu* setelah mendengar kejayaan adik.
IV Tembikar itu kelihatan *gebu* setelah digilap oleh ayah.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 7 – 8

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

7. Pembantu jualan di Butik Bonda tidak menangan melayan pelanggan yang tidak putus-putus berkunjung butik tersebut sejak dibuka selepas PKP.
- A putus-putus berkunjung ke butik
B putus berkunjung ke butik
C putus mengunjungi butik
D putus-putus berkunjung butik

8. Murid-murid dapat menimba pengetahuan dengan aktiviti perkhemahan yang disertai oleh mereka.
- A melalui aktiviti perkhemahan yang mereka sertai
 - B dengan aktiviti perkhemahan yang mereka sertai
 - C melalui aktiviti perkhemahan yang disertai oleh mereka
 - D dengan aktiviti perkhemahan yang disertai oleh mereka

Soalan 9 – 10

Pilih ayat-ayat yang betul.

9. I Isu pemanasan global menjadi isu sejagat kerana kesannya menjejaskan kesihatan seluruh rakyat.
 II Wartawan itu menemu bual pengetua untuk bertanyakan tentang kejayaan sekolah ini dalam pertandingan pidato peringkat negeri.
 III Pemuda itu disaman oleh pihak polis kerana dia menunggang motosikal tanpa lesen.
 IV Sesetengah kilang di bandar ini tidak menyediakan pelitup muka kepada para pekerja.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
10. I Cikgu Salbiah mengajarkan murid-murid itu menggunakan pelitup muka cara yang betul.
 II Kejayaan seorang tidak akan datang tanpa pengorbanan dan iltizam yang tinggi.
 III Ibu bapa bertanggungjawab dalam membudayakan amalan menabung kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi.
 III Aspek penampilan diri seperti kebersihan dan kekemasan diri perlu dititik berat oleh murid-murid.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 11 – 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

11. Apabila air laut sudah pasang, Pak Long mengajak kami memancing ikan di jeti.
- A Kami diajak oleh Pak Long memancing ikan di jeti setelah air laut pasang.
 - B Semasa air laut pasang, Pak Long kami ke jeti untuk menangkap ikan.
 - C Kami mengajak Pak Long ke jeti untuk memancing ikan semasa air laut naik.
 - D Kami diajak oleh Pak Long ke laut untuk menangkap ikan semasa air laut sudah pasang.
12. Puan Dahlia yakin bahawa segala cabaran dan halangan akan dapat diatasi oleh anaknya semasa berada di perantauan.
- A Anak Puan Dahlia yakin bahawa dia dapat mengatasi segala cabaran dan halangan semasa berada di perantauan.
 - B Semasa berada di perantauan, anak Puan Dahlia telah mengatasi semua cabaran dan halangan yang menimpanya.
 - C Puan Dahlia pasti bahawa anaknya dapat mengatasi apa-apa juga cabaran dan halangan sepanjang berada di perantauan.
 - D Anak Puan Dahlia yakin bahawa dia akan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan semasa pengembaraannya itu.

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Peribahasa yang berikut membawa maksud musuh yang ada dalam kalangan ahli keluarga sendiri tanpa diketahui, **kecuali**
- A gunting dalam lipatan.
 - B membuka pekung di dada.
 - C musuh dalam selimut.
 - D api dalam sekam.



Soalan 1 – 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- Setelah kami berkunjung di pusat peranginan itu, barulah kami tahu bahawa keadaan di situ hanya _____.
A jauhari yang mengenal manikam
B indah khabar daripada rupa
C orang mengantuk disorongkan bantal
D membuang garam ke laut
- "Siti, maafkanlah kesalahan adik kamu, si Halim tu. Lagipun _____," kata Farid kepada rakan baiknya.
A masuk ke kandang kambing mengembek, masuk ke kandang lembu menguak
B kalau kail panjang sejengkal, lautan yang dalam diduga jangan
C laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan
D seekor lembu membawa lumpur, semuanya terpalit
- Peribahasa yang berikut membawa maksud mengharapkan sesuatu yang belum tentu, barang yang sedia ada dilepaskan, **kecuali**
A yang dikendong berciciran, yang dikejar tiada dapat.
B tak akan lari gunung dikejar, hilang kabut, tampaklah dia.
C harapkan guruh di langit, air tempayan dicurahkan.
D harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.
- Peribahasa yang berikut berkaitan dengan amalan bermuafakat dan bekerjasama, **kecuali**
A seperti cincin dengan permata.
B seperti aur dengan tebing.
C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
D ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
- Apabila berada di tempat orang, kita haruslah mematuhi adat dan peraturan tempat yang kita diami.
Pernyataan di atas berkaitan dengan peribahasa
A di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
B hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.
C di mana buah masak, di sini banyak burung tampil.
D hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri.
- Sejak berkahwin, Puva membelakangkan abangnya yang telah banyak berjasa kepadanya, dia tidak ubah seperti _____.
A kera mendapat bunga
B air di dalam kolam
C kacang melupakan kulit
D bunga sedap dipakai, layu dibuang



Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hatta seketika lagi hari pun petanglah. Memerang laki bini pulang ke tempat lubangnyanya itu. Apabila sampai ia di hadapan lubangnyanya, dilihatnya tujuh ekor anaknya berkaperan sahaja habis mati, darahnya pun tumpah di situ. Maka diperiksa, dikenal bekas kaki Syah Alam di Rimba saja. Memerang yang kedua lalu menangis yang teramat sangat sayang akan anaknya itu, putuslah asanya membawa ikan terlalu banyak hendak memberi makanan anaknya itu. Ikan-ikan itu pun dibawanya masuk ke dalam lubangnyanya. Hari pun malamlah. Bermesyuaratlah keduanya pagi esok hendak menghadap Nabi Allah Sulaiman permaklumkan hal kematian anaknya oleh sebab kelakuan Syah Alam di Rimba membuat aniaya atasnya. Setelah putuslah mesyuarat itu, lalu tidur keduanya.

Seketika hari pun siang. Memerang laki bini lepas makan ia pun pergilah menghadap Nabi Allah Sulaiman. Kepada masa itu Nabi Allah Sulaiman pun bersemayam di atas takhta singgahsana kerajaan di hadapan menteri hulubalang rakyat tentera tiada terpermanai banyaknya, aneka jenis manusia dan jin binatang berhamparan duduk di tanah menghadap baginda itu, bermacam-macam aduan teriak mereka itu, semua diselesaikan Nabi Allah.

Dipetik daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengajar Memerang', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah yang dilihat oleh ibu dan bapa memerang sebaik-baik sahaja tiba di kediaman mereka?
 - A Anak-anak memerang sedang tidur
 - B Anak-anak memerang kelaparan
 - C Anak-anak memerang mati
 - D Anak-anak memerang sedang bermain-main
2. Yang berikut ialah nilai-nilai murni yang ada pada ibu dan bapa memerang, **kecuali**
 - A nilai kerajinan.
 - B nilai kasih sayang.
 - C nilai kebijaksanaan.
 - D nilai patriotisme.
3. Bagaimanakah ibu dan bapa memerang mengetahui tragedi yang menimpa anak-anak mereka ialah angkara Syah Alam di Rimba?
 - A Diberitahu oleh jiran tetangga
 - B Kesan bekas tapak kaki
 - C Perkhabaran daripada anaknya
 - D Diberitahu oleh Nabi Sulaiman
4. Teknik penceritaan yang sesuai bagi petikan di atas ialah
 - A teknik pemerian.
 - B teknik saspens.
 - C teknik kejutan.
 - D teknik imbas kembali.
5. Berdasarkan petikan di atas, yang manakah yang **tidak benar** tentang memerang?
 - A Menjadikan ikan sebagai makanan
 - B Mempunyai tujuh orang anak
 - C Berpakat untuk membunuh Shah Alam di Rimba
 - D Bertanggungjawab terhadap anak-anak



Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Orang jual ikan dah tiga hari tak datang. Mamak jual roti pun tak boleh masuk kampung. Mak tak ada makanan. Banjir dah sampai ke paras dada ... ”

Belum sempat saya berkata apa-apa, suara di hujung sana terus *mencurahkan isi hati* yang terpendam. Pada ruang jeda tanpa suara rintihannya, mungkin dia sedang menarik nafas yang tersumbat akibat kalut meluahkan bicara, saya menyelit soal.

“Dah tu, macam mana?”

Dia memanggil saya dengan nama yang tidak tercatat pada kad pengenalan, tidak juga nama timangan sejak dilahirkan. Siapakah empunya suara tua yang rusuh di hujung talian sana? Seperti saya yang terburu-buru mendail nombor rumah teman yang baru diberikan pagi tadi, suara tua itu juga pantas mengatur kata, selaju jejari saya salah menekan nombor rumahnya. Selepas menyampaikan kisah yang sesetengahnya tidak saya fahami, suara tua itu menamatkan pengisahan dengan penghargaan dan pesanan.

“Terima kasihlah. Nana telefon juga, tanya khabar mak. Abang kau tu, duduk saja dekat tapi tak menjenguk langsung ... tak hirau keadaan mak dalam banjir ni. Kirim salam pada suami dan anak-anak kau.”

Dipetik daripada cerpen ‘Banjir di Mata Emak’, antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

- Berdasarkan petikan di atas, ibu berbual-bual dengan siapa?
 - Anak perempuannya
 - Anak lelakinya
 - Pemanggil yang tidak dikenali
 - Penjual ikan
- Yang berikut ialah rintihan ibu dalam petikan, **kecuali**
 - mamak jual roti tidak datang.
 - penjual ikan sudah tiga hari tidak tiba.
 - anak lelaki tidak menziarahinya.
 - Nana tidak pulang ke rumah.
- Apakah yang dimaksudkan dengan frasa *mencurahkan isi hati*?
 - Berbual-bual kosong
 - Meluahkan perasaan
 - Menzahirkan perasaan geram
 - Menyoal sesuatu yang berkaitan dengan perasaan
- Dia memanggil saya dengan nama yang tidak tercatat pada kad pengenalan, tidak juga nama timangan sejak dilahirkan.

Nyatakan teknik penceritaan yang sesuai dengan petikan di atas.

 - Teknik imbas muka
 - Teknik monolog dalaman
 - Teknik saspens
 - Teknik dialog
- Bagaimanakah “saya” dapat menghubungi Mak Piah?
 - Disuruh oleh anak Mak Piah
 - Tersalah mendail nombor
 - Diberikan nombor telefon oleh rakannya
 - Mak Piah memberikan nombor telefonnya



Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- PENDAKWA RAYA:** Pada hemat saya, Bulat bin Leper ialah pihak yang bertanggungjawab dalam kes ini. Kalau Bulat tidak membuang kulit pisang, maka kambing tidak boleh mengaisnya ke jalan raya dan seorang nenek tua tidak akan memijaknya. Atas alasan itu, saya mohon mahkamah keadilan ini menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya ke atas Bulat bin Leper. Sekian, yang arif, terima kasih.
- HAKIM:** Ya, peguam bela ... kalau ada hujah-hujah tambahan, dipersilakan.
- PENGUAM BELA:** Ya, yang arif, saya tegaskan kembali hujah saya bahawa Bulat bin Leper telah membuang kulit pisang ke tempat yang wajar dan betul. Maka, dengan itu, ternyata Bulat bin Leper tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dalam soal ini, nyata sekali, yang bersalah ialah kambing kurus ... bukannya Bulat bin Leper. Sekian, hujah-hujah saya.
- HAKIM:** Pendakwa raya? Ada apa-apa lagi?
- PENDAKWA RAYA:** Mahkamah ini untuk manusia, bukan untuk binatang. Macam mana kita nak hukum kambing.
- PENGUAM BELA:** Setiap binatang peliharaan mesti ada tuannya. Tuan empunya kambing itulah yang perlu dihukum.
- PENDAKWA RAYA:** Kalau tidak ada yang mahu mengaku?
- PENGUAM BELA:** Maka kambing itu harus menjadi hak milik pihak yang berwajib.
- HAKIM:** Sudah ... sudah! Hujah-hujah kamu berdua sudah selesai. Harap bertenang. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, setelah meneliti hujah-hujah daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah dengan ini mengambil kesimpulan bahawa pendakwa telah gagal mengaitkan kes ini dengan tertuduh dan sebaliknya, peguam bela telah dapat meyakinkan mahkamah tanpa keraguan bahawa Bulat bin Leper tidak melakukan kecuaiian dan seterusnya dibebaskan daripada tuduhan membunuh Mek Teh binti Jali secara tidak sengaja.

Dipetik daripada drama 'Mahkamah', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah pertuduhan yang dikenakan kepada Bulat bin Leper?
A Membuang kulit pisang di merata-rata tempat
B Membuang kulit pisang ke dalam tong sampah
C Membiarkan kambing mengais kulit pisang
D Membunuh Mek Teh binti Jali
2. Siapakah mangsa yang terlibat dalam kes perbicaraan di atas?
A Mek Teh binti Jali **C** Pendakwa raya
B Bulat bin Leper **D** Peguam bela
3. Mengapakah peguam bela berpendapat bahawa Bulat bin Leper tidak bersalah?
A Kambing tersebut bukan milik Bulat bin Leper
B Bulat bin Leper melakukan kecuaiian
C Membuang kulit pisang ke dalam tong sampah
D Tuan empunya kambing yang bersalah
4. Yang berikut ialah latar tempat peristiwa dalam petikan drama tersebut, **kecuali**
A di sebatang jalan raya.
B di sebuah mahkamah.
C di sebuah tong sampah.
D di sebuah taman permainan.
5. Apakah keputusan hakim terhadap pertuduhan Bulat bin Leper?
A Bulat bin Leper dijatuhkan hukuman penjara dan denda
B Bulat bin Leper diarahkan supaya membela diri
C Bulat bin Leper dilepaskan daripada pendakwa
D Bersalah kerana menyebabkan kematian nenek tua



Baca pantun di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pantun Nasihat

- | | | | |
|---|--|---|--|
| 1 | Tanam balik buah peria,
Buah peria mahal sekali;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali. | 5 | Hangus bertih berwarna merah,
Mari dituang ke dalam kain;
Suami yang letih usah dimarah,
Kelak terbang ke bunga lain. |
| 2 | Ketua-ketua raja duduk,
Jangan ditimpa papan;
Diketahui ganja itu mabuk,
Apakah sebab maka dimakan? | 6 | Anak Cina membawa surat,
Dari Perak langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli. |
| 3 | Meninjau padi masak,
Batang kapas bertimbal jalan;
Hati risau dibawa gelak,
Bagai panas mengandung hujan. | 7 | Pisang kelat digonggong helang,
Jatuh ke Lubuk Inderagiri;
Jikalau berdagang ke rantau orang,
Baik-baik membawa diri. |
| 4 | Pulau di balik Pulau Gosong,
Pandan di Jawa diranggungkan;
Jangan kita terdorong-dorong,
Badan dan nyawa menanggungkan. | | Daripada antologi <i>Baik Budi, Indah Bahasa</i> ,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia |

- Apakah maksud yang hendak disampaikan dalam rangkap kedua pantun tersebut?
A Ganja sejenis bahan yang memabukkan
B Ketua-ketua raja sedang berbincang
C Makan makanan yang memabukkan
D Mati akibat ditimpa papan
- Nasihat yang hendak diberikan oleh pemantun dalam rangkap terakhir pantun di atas ialah
A hidup di dunia hendaklah berbudi.
B jangan memarahi suami yang letih.
C berhati-hati semasa di perantauan.
D berbudi bahasa dengan baiknya.
- Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali.

Gaya bahasa yang sesuai bagi petikan di atas ialah
A epifora.
B metafora.
C hiperbola.
D anafora.
- Pernyataan yang berikut adalah **benar** tentang Pantun Nasihat, **kecuali**
A empat baris setiap rangkap.
B setiap baris mempunyai makna.
C rima pantun ini terikat.
D mempunyai maksud dan pembayang.
- Antara yang berikut ialah pengajaran bagi pantun di atas, **kecuali**
A kita hendaklah menjaga tingkah laku apabila berdagang di tempat orang.
B kita haruslah menjauhkan diri daripada melakukan kemungkaran.
C kita hendaklah menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujurnya.
D sebagai isteri, kita hendaklah bijak menjaga hati suami supaya keharmonian rumah tangga terpelihara.



Baca syair di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR NASIHAT PENGHUJUNG THAMARAT AL-MUHIMMAH

- 1 Tamatlah kita dikarang orang,
akalnya pendek ilmunya kurang,
daripada sangat hajatku gerang,
diperbuat juga sebarang-barang.
- 2 Melepaskan hati yang berbuku,
pengajaran kepada sekalian anakku,
mudah-mudahan betul tingkah dan laku,
perangai yang baik biar terpaku.
- 3 Dengarkan tuan ayahanda berperni,
kepada anakanda muda bestari,
nasihat kebajikan ayahanda beri,
amalkan jangan malas dan ngeri.
- 4 Ayuhai anakanda muda remaja,
jika anakanda menjadi raja,
hati yang betul hendak disahaja,
serta rajin pada bekerja.
- 5 Kerja kebajikan janganlah malas,
zahir dan batin janganlah culas,
jernihkan hati hendaklah ikhlas,
seperti air di dalam gelas.
- 6 Menuntut ilmu janganlah segan,
ilmu yang benar jangan yang bukan,
iaitu ilmu yang kebajikan,
di kitab ini sudah disebutkan.
- 7 Hendaklah anakanda mengaji selalu,
dari yang lain lebihkan dulu,
had syarak jangan dilalu,
tidaklah anakanda beroleh malu.
- 8 Segala perbuatan dengan berilmu,
maka kebajikan boleh bertemu,
jika sebarang-barang diramu,
akhirnya anakanda jatuh tersemu.
- 9 Ilmu itu besar faedahnya,
membezakan hak dengan batilnya,
mengetahui rakyat benar salahnya,
supaya dihukumkan dengan adilnya.
- 10 Jika ilmu tidak diendah,
sebab anakanda capak permudah,
rakyat datang membawa gundah,
anakanda tercengang tunduk tengadah.
- 11 Hendak menghukumkan tiada tahu,
hendak diam hati tak mahu,
berpeluk tubuh tangan ke bahu,
mengeluh mengucap mengata Allahu.
- 12 Terkadang duduk mendiamkan diri,
sepatah tidak mengeluarkan peri,
penat duduk bangkit berdiri,
lalu masuk ke dalam puri.
- 13 Orang berdakwa duduk menanti,
serta dengan bersakit hati,
hairan takjub tidak mengerti,
sebab bicaranya belum pasti.
- 14 Terkadang dihukumkan dengan biladah,
bukannya syarak bukannya 'adah,
ambil lekas jalan yang mudah,
supaya jangan berhati gundah.
- 15 Jika demikian apa jadinya,
hukum tak betul dengan jalannya,
di hadapan majlis diterimanya,
di belakang kelak diumpatnya.
- 16 Jika yang benar kita hukumkan,
di belakang jangan kita hiraukan,
umpat dan puji kita biarkan,
kepada Allah kita *syaksikan*.
- 17 Jika anakanda jadi menteri,
orang berilmu anakanda hampiri,
lawan mesyuarat lawan berperni,
supaya pekerjaan jadi ughari.
- 18 Hendaklah periksa adanya wazir,
di dalam kitab sudah terukir,
hendaklah jauhkan pekerjaan mungkir,
supaya jangan jadi tergelincir.

Daripada antologi *Baik Budi,
Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan rangkap ke-10, apakah kesannya jika seseorang ketua tidak mempunyai ilmu pengetahuan?
- A Bersikap acuh tidak acuh dalam semua perkara
 - B Menjatuhkan hukuman dengan tidak adil
 - C Tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat
 - D Tidak mendapat kepercayaan rakyat
2. Pernyataan yang berikut ialah nasihat seorang ayahanda kepada anakanda, **kecuali**
- A menjaga tingkah laku.
 - B membalas jasa.
 - C ikhlas.
 - D menuntut ilmu.

3.

*Ayuhai anakanda muda remaja
Jika anakanda menjadi raja*

Petikan di atas ialah gaya bahasa

- A anafora.
- B epifora.
- C responsi.
- D metafora.

4. Apakah nilai murni yang terdapat dalam rangkap kelima syair di atas?
- A Keikhlasan
 - B Ketabahan
 - C Keberanian
 - D Kasih sayang
5. Nyatakan rima akhir bagi syair di atas.
- A abab
 - B aaaa
 - C abcd
 - D abba



Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada Sekuntum Mawar

Sehelai kelopakmu gugur
adalah titis air mata bonda
yang luruh dalam lipatan usia.

Merengung pada malam yang kematian angin
pada laut yang kematian ombak
seperti telah menutup
pintu kehidupan ini
menjadi sepi dan lara
pada kemusnahan yang tak pernah dipinta.

Sekuntum mawar
bukan melontar harum indahmu
di hujung lembah
tapi mengangkat seri mahkotamu
ke puncak iman.

Daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

- Berdasarkan rangkap pertama, apakah yang hendak disampaikan oleh penyajak?
 - Ibu menangis melihat bunga yang gugur.
 - Ibu bersedih jika anaknya melakukan kesalahan.
 - Ibu menangis kerana usianya yang sudah tua.
 - Ibu bersedih mengenangkan anaknya.
- Apakah persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut?
 - Persoalan penyesalan atas kesalahan lalu
 - Persoalan kasih sayang seorang ibu
 - Persoalan budaya vandalisme dalam masyarakat
 - Persoalan memartabatkan maruah diri
- Antara baris sajak tersebut, baris yang manakah terdapat unsur gaya bahasa simile?
 - di hujung lembah
 - pintu kehidupan ini
 - ke puncak iman
 - seperti telah menutup
- Antara yang berikut ialah kesan kepada si ibu sekiranya maruah anak gadisnya tercemar, **kecuali**
 - si ibu akan berasa sangat sedih.
 - merasakan hidupnya tidak bermakna lagi.
 - berasa kesepian kerana dipinggirkan oleh masyarakat.
 - suatu kemusnahan yang tidak diterima oleh seorang ibu.
- Antara yang berikut, nilai murni yang manakah tidak terdapat dalam sajak?
 - Nilai keinsafan
 - Nilai kasih sayang
 - Nilai pengorbanan
 - Nilai ketabahan



Baca bahan-bahan yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Demam denggi merupakan sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk aedes. Jika individu tinggal di kawasan jangkitan denggi, mereka terdedah kepada demam denggi ini. Pesakit akan mengalami gejala seperti demam panas, sakit kepala, sakit sendi, loya dan muntah, serta ruam. Demam denggi juga boleh membawa maut.

Masih tiada rawatan khas untuk demam denggi. Pesakit yang mengalami tanda-tanda dan menunjukkan gejala-gejala demam denggi hendaklah mendapatkan rawatan dengan segeranya. Kebersihan amat penting bagi menghalang pembiakan nyamuk aedes yang berbahaya ini. Tin-tin kosong dan tayar-tayar buruk perlu ditanam atau dimusnahkan kerana tempat sedemikian menjadi habitat pembiakan nyamuk aedes.

Pihak Kementerian Kesihatan juga menggunakan semburan serangga untuk membunuh nyamuk aedes ini. Selain itu, orang ramai dinasihatkan supaya melindungi diri daripada gigitan nyamuk sama ada berada di dalam atau di luar rumah. Tiada aedes, tiada denggi.

Bahan 2

Banyak kes kematian mengejut yang berlaku di negara ini disebabkan oleh serangan jantung. Serangan jantung atau penyakit yang berkaitan kardiovaskular ini tidak berjangkit tetapi berlaku disebabkan oleh injap jantung yang tersumbat. Kajian menunjukkan kira-kira satu daripada empat pesakit jantung ialah mereka yang berusia bawah 50 tahun.

Penyakit ini berpunca daripada gaya hidup yang pasif dan pemakanan yang tidak dijaga serta tabiat merokok. Perkara ini banyak menyumbang kepada peningkatan bilangan pesakit jantung dalam kalangan orang muda. Setiap orang perlu mempunyai pengetahuan mengenai gejala atau simptom serangan jantung kerana penyakit ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

Banyak dalam kalangan kita tidak mengambil berat tentang pemakanan dan pemeriksaan kesihatan jantung kerana merasakan tidak mempunyai risiko penyakit jantung. Langkah mengatasi penyakit ini ialah menghindari tabiat merokok dan melakukan rutin pemeriksaan setahun sekali untuk memastikan jantung sihat sepanjang masa. Kesihatan diri merupakan tanggungjawab sendiri.

1. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, berikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kedua-dua penyakit tersebut.

2. Berdasarkan kedua-dua petikan tersebut, nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi penyakit tersebut.

3. Penyakit boleh menjejaskan kesihatan seseorang malah melibatkan kos yang tinggi untuk merawat. Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang itu dapat memastikan kualiti kesihatannya sentiasa terjamin?
